

Newspaper	Berita Harian
Date	16/6/2013

KL, Jakarta perlu tingkat kerjasama

BH-16/6/2013

» *Berganding bahu banteras jenayah siber, penyeludupan dadah: Najib*

Oleh Syuhada Choo Abdullah
choo@mediaprima.com.my

■ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, Malaysia dan Indonesia mesti saling berganding bahu bagi membanteras jenayah siber serta penyeludupan dadah.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri kerjasama antara kedua-dua negara perlu dipertingkatkan untuk mencapai matlamat itu.

"Kita menyeru tahap kerjasama yang lebih tinggi dengan Indonesia untuk menangani jenayah siber dan penyeludupan dadah. Mesti gembeng tenaga untuk mencapai matlamat sama ini," katanya dalam tweet terbaru beliau, semalam.

Aplikasi 'butang panik'
Melalui tweet lain, Najib ber-

kata, Malaysia akan mempunyai aplikasi 'butang panik' tidak lama lagi bertujuan menyalurkan amaran pantas kepada polis di seluruh negara dalam usaha intensif memerangi jenayah.

Laporan akhbar Ahad lalu memetik Perdana Menteri sebagai berkata, cadangan mewujudkan talian kecemasan khas menghubungkan terus pemanggil dengan Bukit Aman sebagai inisiatif baru kerajaan memerangi jenayah.

Cadangan seorang bekas pegawai tertinggi Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu ketika bertemu beliau baru-baru ini, akan dikaji Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan PDRM.

Sejak Program Transformasi Kerajaan (GTP) menerusi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) memerangi jenayah dilancarkan pada 2010, kadar jenayah negara terus berkurangan dan sehingga April lalu, menurun kepada 3.1 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Pergiat persiapan

Sementara itu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, pula berkata persiapan sedang dilakukan untuk melaksana perkhidmatan talian khas ke Bukit Aman.

“
Kita menyeru tahap kerjasama yang lebih tinggi dengan Indonesia untuk menangani jenayah siber dan penyeludupan dadah. **Mesti gembeng tenaga untuk mencapai matlamat sama ini**”

Najib Razak,
Perdana Menteri



"Semoga dengan talian ini akan ada tindakan cepat oleh PDRM yang bergerak menerusi URB (Unit Rondaan Bermotosikal) yang turut dilengkapi dengan GPS (Sistem Kedudukan Global) bagi mengetahui lokasi secara tangkas selepas laporan kejadian

jenayah diterima dari pusat panggilan.

"Arahan Perdana Menteri ini akan memberi manfaat kepada rakyat untuk membuat aduan dengan tindakan pembanteras segera daripada anggota PDRM," katanya kepada BH.